

Kuala Lumpur

Kadaan ruang lobi lif Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sungai Bonus di sini yang suram kini berubah wajah apabila penduduk memamerkan kreativiti untuk menzahirkan dekorasi bagi menambah keceriaan.

Usaha berkenaan ditonjolkan penduduk berjaya mentransformasikan ruang lobi lif dengan hiasan berbeza apabila setiap tingkat dihias mengikut tema pilihan masing-masing.

Segalanya bermula apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan Program Keceriaan dan Keindahan Lobi Lif sejak tahun lalu.

Tinjauan Harian Metro, baru-baru ini mendapati salah satu tingkat dihias seolah-olah sebuah galeri lukisan, manakala satu tingkat lagi seperti ruang tamu apabila mempunyai kerusi dan meja, selain lampu chandelier.

Terdapat pula tingkat yang dihias dengan konsep seperti di pantai dan ada juga berkonsepkan sejarah negara yang berinformasi.

Blok setinggi 17 tingkat dengan 20 rumah pada setiap aras mula dihias sejak hujung tahun lalu selepas program itu diperkenalkan DBKL.

Penduduk Suriati Yusof, 57, yang sudah menetap di perumahan itu lebih 20 tahun lalu berkata, mereka menghias ruang lobi lif di PPR berkenaan bagi memberi keceriaan.

"Sebagai ketua di tingkat 10, saya tak sangka penghuni pelbagai kaum bekerjasama dan bersemangat sehingga lewat malam ba-



PENGHUNI menunggu lif di lobi PPR Sungai Bonus yang berwajah indah. - Gambar NSTP/AMIRUDIN SAHIB

PPR SUNGAI BONUS

Ruang lobi lif dahulu suram kini berseri-seri

gi menyiapkan dekorasi ruang lobi lif di PPR ini.

"Sebelum membuat hiasan ini, kami buat mesyuarat penduduk untuk minta pendapat mereka," katanya.

Penduduk, Aminah Amin, 49, berkata dia melihat perbezaan ketara terutama dari segi kebersihan sejak program itu diadakan.

"Kalau nak dibanding sebelum ini banyak sampah dan vandalisme di blok ini tapi selepas program keceriaan, penduduk mengambil tanggungjawab menjaga kebersihan.

"Saya berpandangan mungkin ramai kalangan penduduk mula berasa sayang untuk mengotorkan kawasan selepas melihat kecantikan dan hasil titik peluh penduduk menghias ruang lobi lif itu," katanya.

Menurutnya, sejak dekorasi di PPR berkenaan tular di media sosial, ramai orang luar mengunjungi perumahan ini untuk melihat dan mengambil foto kenangan semasa Aidilfitri yang lalu.

"Bermula Aidilfitri, ramai datang sebab ada yang kata dekorasi di sini se-

lah-olah seperti studio raya. Jadi mereka kata ia dapat menjimatkan kos untuk bergambar berbanding di studio.

"Saya teruja sebab ramai memuji kerana melihat kreativiti penduduk dan rasa seronok nak tinggal di sini sebab ia memberi ke-selesaian kepada saya dengan melihat kecantikan dekorasi pada setiap hari," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Sungai Bonus, Hamidi Abdul Rashid berkata, program berkenaan memberi impak positif terha-

dap ukhawah masyarakat berbilang kaum.

Menurutnya, dia teruja dan tidak menyangka projek mengindahkan ruang itu mendapat sambutan di kalangan penduduk sehingga tular di media sosial dengan hasil kreativiti dekorasi mereka.

"Daripada program ini, saya dapat lihat penyatuan jiran untuk mereka kenal mengenali dengan lebih rapat. Mungkin sebelum ini, ada yang tidak mengenali jiran mereka kerana kurang berinteraksi.

"Walaupun semasa ber-mesyuarat, ramai pendu-

duk menentang untuk teruskan program ini, tetapi ramai yang bersemangat untuk menghiasi lobi lif di tingkat kediaman mereka.

"Seminggu selepas mesyuarat diadakan, semua penduduk mula membeli barang untuk dekorasi dan ada juga yang mengecat dan inilah hasil kerjasama penduduk," katanya.

PPR Sungai Bonus adalah antara tiga PPR yang dipilih sebagai permulaan selain PPR Kampung Muhibbah dan PPR Beringin dalam Program Keceriaan dan Keindahan Lobi Lif anjuran DBKL.



HIASAN lobi lif setiap tingkat dihias mengikut kreativiti penduduk di PPR Sungai Bonus, Jalan Air Panas.